

PENGURUSAN HAK-HAK MASYARAKAT PRIBUMI DI HUTAN SIMPANAN KEKAL NEGERI JOHOR

Pengenalan

Masyarakat pribumi di Semenanjung Malaysia dikenali sebagai Orang Asli dan diiktiraf di bawah Akta Orang Asli 1954 [Akta 134]. Mereka mempunyai hubungan rapat dengan hutan sebagai sumber kehidupan, budaya dan identiti.

Hak mereka merangkumi:

1. Hak tanah adat dan kawasan rayau
2. Hak penggunaan sumber hutan
3. Hak budaya, kepercayaan dan warisan
4. Hak sosio-ekonomi dan pembangunan

KEPENTINGAN HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) KEPADA MASYARAKAT PRIBUMI

Di Negeri Johor, terdapat sebanyak tiga (3) buah perkampungan Orang Asli yang berada di dalam Hutan Simpanan Kekal sepertimana berikut:

Bil.	*Perkampungan Orang Asli	Daerah Hutan	Hutan Simpan
1	Sungai Tuba	Johor Timur	Mersing
2	Pengkalan Bukit	Johor Timur	Mersing
3	Tewowoh	Johor Timur	Sembrong Tambahan

*Sumber maklumat dari JAKOA

*Senarai kampung yang terdapat di dalam Pelan Orang Asli MC&I (SFM) Johor

Kepentingan HSK kepada komuniti:

1. Sumber makanan (memburu, memungut hasil hutan)
2. Sumber air dan ubatan tradisional
3. Tapak budaya dan spiritual
4. Kawasan ekonomi sara diri

PRINSIP PENGURUSAN HAK MASYARAKAT PRIBUMI

Pengiktirafan Hak Adat

1. Mengenal pasti dan mendokumentasi kawasan adat dan rayau
2. Mengiktiraf penggunaan tradisional hutan
3. Mengambil kira adat dan sistem pengetahuan tempatan

Free, Prior and Informed Consent (FPIC)

1. Perundingan wajib sebelum aktiviti seperti pembalakan atau pembangunan
2. Persetujuan komuniti perlu diperoleh secara telus

Penglibatan Komuniti

1. Penyertaan aktif dalam perancangan dan pemantauan hutan
2. Kerjasama dengan agensi berkaitan seperti JAKOA

Perkongsiian Manfaat

1. Peluang ekonomi kepada komuniti
2. Pampasan jika berlaku impak kepada kawasan adat

PENGURUSAN KAWASAN KEPENTINGAN KHAS

Kawasan “tempat istimewa” Orang Asli perlu:

1. Dikenal pasti melalui kajian lapangan dan konsultasi
2. Dipetakan dalam pelan pengurusan hutan
3. Dilindungi daripada aktiviti pembalakan

ISU DAN CABARAN DI JOHOR

1. Pertindihan tuntutan tanah
2. Pencerobohan dan guna tanah
3. Konflik pembangunan
4. Kelemahan perundangan

PENDEKATAN PENGURUSAN DI NEGERI JOHOR

1. Perancangan bersepadu
2. Pengukuhan tadbir urus
3. Pemantauan bersama
4. Pendidikan dan pembangunan komuniti

KESIMPULAN

Pengurusan hak-hak masyarakat pribumi di Hutan Simpanan Kekal Negeri Johor memerlukan keseimbangan antara pemeliharaan hutan, pengiktirafan hak adat dan pembangunan sosio-ekonomi komuniti.